

APA KATA AKHBAR AUSTRALIA TENTANG DR. M

Mukadimah:

BARU-baru ini sebuah akhbar Australia, *The Australian* telah menyiarkan sebuah rencana bagi mengulas hubungan kurang mesra antara Kuala Lumpur dengan Canberra. Berikut disiarkan rencana ini supaya rakyat Malaysia dapat mengetahui bagaimana media Australia melihat pemimpin Malaysia. — Pengarang.

Oleh

Tony Parkinson

DARI THE AUSTRALIAN

29 MAY 1981

AUSTRALIA bukanlah negara Barat yang pertama yang mendapat layanan dingin oleh Kerajaan Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia.

Britain dan Amerika Syarikat masing-masing telah merasai layanan dingin sebagai bantahan rasmi daripada Kuala Lumpur. Dr. Mahathir, yang dikenali di peringkat diplomatik sebagai seorang pemimpin yang tajam fikirannya, boleh dikatakan telah menjadikan sikap sedemikian yang "honkie bashing" sebagai satu bentuk seni.

Britain dikedam kerana membataskan jumlah pelajar Malaysia masuk ke institusi-institusi pengajian tingginya. Amerika Syarikat mengalami masalah perdagangan.

Bagi Australia, ketegangan itu timbul ekoran kemarahan Dr. Mahathir terhadap sebuah drama televisyen keluaran ABC, yang beliau dakwa merupakan sindiran yang kejam dan menyinggung perasaan masyarakat Malaysia. Media Australia, menurut pandangan Dr. Mahathir, cuba mencemarkan imej Malaysia.

Inilah persoalan-persoalan diplomatik yang dihadapi oleh Australia walaupun perselisihan faham berhubung dengan siri televisyen berjudul 'Embassy' hanyalah tanda-tanda terbaru bagi masalah-masalah asas.

Pada 1986, Malaysia melahirkan kemarahannya terhadap reaksi di Australia berhubung dengan hukuman gantung ke atas Barlow dan Chambers bersabit dengan kesalahan dadah, yang dianggapnya sebagai mengatasi isu hak asasi manusia.

Malaysia menganggapnya sebagai satu campurtangan terhadap urusan hal-ehwal dalam negerinya. Begitu juga dengan tindakan Australia yang melobi menentang pembalakan hutan tropika.

Kesemua isu itu menyentuh imej Malaysia dan adalah jelas bahawa Dr. Mahathir membantah kesemua gambaran yang diberikan oleh media Australia mengenai Malaysia dan juga corak kerajaannya.

Dr. Mahathir mentafsirkan keengganan Canberra untuk mengenakan kawalan ke atas liputan media yang negatif. Penekanan kerajaan Perdana Menteri Bob Hawke bahawa ia tidak mempunyai kuasa atau kecenderungan falsafah untuk campurtangan dan menyekat kebebasan akhbar jelasnya telah tidak dihiraukan langsung.

Pada bulan Oktober lalu, Dr. Mahathir mengarahkan supaya dibekukan kesemua hubungan yang tidak perlu dengan Australia. Menurut pemerhati hal-ehwal Asia Tenggara, Dr. Harold Crouch, Perdana Menteri Malaysia itu mengamalkan sikap tradisi Melayu iaitu merajuk dan mahukan Australia minta maaf.

Kerajaan Australia telah mengamalkan sikap berlembut terhadap kerumitan-kerumitan itu walaupun ia menyakitkan hati kerajaan Hawke yang mendapati dirinya terlibat dalam satu perbalahan — sebagaimana ditegaskan secara terang-terang — yang bukan merupakan angkaranya sendiri.

Tetapi apa yang harus dilakukan?

Dalam kes Britain dan Amerika, kesabaran akhirnya membuahkan kejayaan. Dr. Mahathir telahpun menegaskan pendiriannya dan kini semuanya berjalan lancar seperti sediakala.

Bagi Australia, ketegangan dalam hubungan dengan Kuala Lumpur menimbulkan risiko yang lebih besar. Australia bukan sekadar sebuah lagi negara Barat. Ia merupakan sebuah jiran Barat yang paling rapat dengan Asia Tenggara, dengan pertaruhan yang lebih besar dalam menentukan masa depan rantau itu.

Berapa lama Dr. Mahathir akan merajuk? Sejauh manakah beliau sanggup berbuat demikian?

Sebagai ketua Jabatan Hal-ehwal Luar dan Perdagangan, Encik Richard Woolcott, berkata, "adalah penting bagi Australia dan

rantau itu untuk menjalinkan hubungan yang kukuh dengan Malaysia."

Kebimbangan begitu dirasakan hingga Encik Woolcott telah membincangkan isu itu secara umum minggu lalu.

Beliau menyeru supaya masalah-masalah itu dinilai dengan tenang tanpa dipengaruhi emosi. Walaupun beliau tidak menyatakan secara terus-terang, tetapi memang ada kegelisahan di Canberra bahawa keadaan itu mungkin tidak terkawal jika dibiarkan.

Woolcott mendedahkan bahawa Australia, melalui Suruhanjaya Tingginya di Kuala Lumpur, telah menyuarakan rasa bimbang bahawa ketegangan itu akan mula menjejaskan hubungan perdagangan di antara kedua-dua buah negara.

Tiada siapa yang menjangka Dr. Mahathir akan membiarkan perbalahan itu berlarutan hingga menjejaskan hubungan jangka panjang. Encik Woolcott berkata, Australia telah diberi jaminan peringkat tinggi bahawa hubungan perdagangan tidak akan dibiarkan terganggu.

Namun begitu syarikat-syarikat Australia telah mengadu bahawa

hubungan dingin di antara kedua-dua buah negara itu telah menjejaskan perniagaan mereka. Para pegawai Malaysia yang "patriotik" dikhuatiri memberi keutamaan kepada para pembekal bukan Australia, yang mengingatkan kembali kenangan tentang kempen pulaukan barangan Britain pada tahun-tahun 80-an.

Perlu diambil kira bahawa Malaysia menarik sejumlah besar pelaburannya dari Taiwan dan Jepun. Jika terdesak, ia menghadapi risiko kos ekonomi dengan kehilangan beberapa bentuk perniagaan dengan Australia dibatalkan.

Ini mungkin telah diperhitungkan apabila Dr. Mahathir mengemukakan idea tentang penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) dengan mengeneppikan Australia daripada senarai jemputan.

Namun begitu, atas sebab-sebab tertentu, antaranya isu pertahanan dan keselamatan serantau, Malaysia mesti meletakkan nilai yang tinggi kepada sumbangan Australia di rantau itu.

Dr. Mahathir dan menteri-menteri kanan beliau menyedari hakikat ini dan inilah sebabnya kenapa hubungan mestilah dipulihkan sepenuhnya lambat laun kelak.

Bagaimanapun waktu menjadi suatu faktor yang lebih penting sekarang.

Dr. Mahathir dan Hawke akan bertemu di London pada bulan Jun. Perkara terakhir yang diperlukan oleh Australia, dan mungkin juga Malaysia ialah pertelagahan secara rasmi.

Tetapi Dr. Mahathir mempunyai personaliti yang kompleks dan sukar ditetapkan. Beliau adalah pemimpin pertama Malaysia yang tidak mendapat pendidikan di Barat. Beliau tidak menaruh simpati dari segi kebudayaan mahupun politik terhadap apa yang dianggap secara umum bersifat kepentingan Barat.

Dan sebagaimana yang dibuktikan sepanjang kariernya, beliau memang condong menyimpan dendam.

Ini sesuai dengan matlamat Dr. Mahathir — sama ada dalam negeri mahupun di arena lebih luas di dunia ketiga — supaya beliau dari masa ke semasa dilihat marah terhadap apa yang digambarkannya sebagai sikap tidak sensitif pihak Barat.

Tetapi, menurut para diplomat Barat yang mengikuti perkembangan kariernya dengan teliti, ini bukan satu usaha untuk menempa nama dalam dunia politik.

Sebagaimana Lee Kuan Yew semasa muda, Dr. Mahathir yakin sepenuhnya negara-negara Barat — dan khususnya negara-negara Anglo-Saxon — telah menunjukkan sikap tidak peduli langsung terhadap tradisi kebudayaan unik negara-negara Asia Tenggara.

Ia kini menjadi satu perjuangan kebudayaan dan peribadi.

Para pegawai Australia sedar dan memahami kerumitan-kerumitan ini. Lagipun, Dr. Mahathir bukanlah pemimpin tunggal Asia Tenggara yang begitu sensitif terhadap isu-isu tersebut. Sebagaimana yang dikatakan oleh Encik Woolcott, ia mungkin merupakan masalah-masalah yang tidak dapat dielakkan yang akan timbul ekoran perbezaan kebudayaan dan sosial.

Tetapi sama ada pegawai-pegawai Australia mendapati sukar untuk menerimanya, ia jelas merupakan keengganan mereka untuk membalas balik usaha-usaha untuk memahami antara satu sama lain.

Kata Encik Woolcott: "Kita juga mengharapkan jiran-jiran kita menghormati kedaulatan kebudayaan dan nilai-nilai Australia, seperti kebebasan akhbar."

Beliau juga mempersoalkan sama ada perbezaan kebudayaan harus dibiarkan menjejaskan hubungan yang lebih luas lagi.

"Pertelingkahan — yang pada asasnya berpunca daripada perbezaan sikap dan kebudayaan dan bukan mengenai perbezaan dasar utama — tidak memberi sebarang faedah terhadap kepentingan-kepentingan negara Australia, mahupun Malaysia dan kepentingan serantau," katanya.

Menurut laporan terakhir, kerajaan Malaysia masih menegaskan bahawa bola sekarang di kaki Australia. Di peringkat ini bagaimanapun, adalah sesuai ditanya sama ada sikap itu adil atau tidak. — The Australian.